



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputra** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** di bawah tajuk berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MBJB/K/ 26/2017	<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Padang Bola Sepak Di Jalan Bahagia / Jalan Aman, Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 2.7.2017 (Ahad) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Taman Awam Jabatan Landskap, Pejabat Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru, Johor</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 23.7.2017(Ahad) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2017/42/PRO/PJ/30</p> <p><i>(Taklimat di pejabat diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>2.7.2017 hingga 20.7.2017</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori: CE Pengkhususan: CE14 DAN CE21</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB DIBENARKAN HADIR KE TAKLIMAT DI PEJABAT</p>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Berkenaan** semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 22.6.2017 (Khamis)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu ***www.mbjb.gov.my***
3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No. 7), Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai **tarikh yang ditetapkan di atas** .
4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat** di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) SAHAJA DIBENARKAN hadir ke taklimat di pejabat DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
5. Penender diwajibkan untuk mendaftar secara dalam talian menggunakan sistem I-perolehan sebelum/pada hari taklimat diadakan melalui laman sesawang ***<http://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>***.
6. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pos di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
 - 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 7.3 Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)
 - 7.4 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
8. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **23.7.2017(Ahad)**.

9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum **12.00 tengahari pada tarikh tutup** yang di tetapkan di atas.

10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

(HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

3/1/14/uz/bkfan tender 2015